

70 lagi kes baru selesema babi

Kosmo 21/05/2010 M/S 3

KUALA LUMPUR – Sebanyak 70 lagi mangsa terbaru selesema babi atau influenza A (H1N1) dikesan sejak kelmarin menjadikan jumlah terkumpul kini sebanyak 14,549 kes.



Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Mohd. Ismail Merican berkata, kes terbaru dikesan sehingga pukul 5.30 petang pada 19 Mei lalu.

“Kementerian juga menerima lima laporan kejadian kluster penyakit serupa influenza (ILI) dari tiga negeri iaitu Pahang, Johor dan Pulau Pinang,” ujarnya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Bagaimanapun, menurut beliau, jumlah kes ILI yang masih dirawat di dalam wad di seluruh negara adalah 559 kes

dengan 69 daripadanya disahkan positif. “Bilangan yang dirawat di wad kecemasan pula adalah 12 kes dan 10 daripadanya mempunyai faktor-faktor risiko,” katanya.

Maklumat lanjut H1N1 boleh diakses dengan melayari laman web <http://www.moh.gov.my> atau <http://h1n1.moh.gov.my> atau dengan menghubungi Kementerian Kesihatan menerusi talian 03-88810200.